

Kestabilan politik negara jaminan kukuh nilai ringgit



Pensyarah Kanan,
Pusat Pengajian
Ekonomi, Wang dan
Bank, Universiti
Utara Malaysia

Oleh Dr Abu Sufian Abu Bakar
bhrencana@bh.com.my

Kejatuhan kadar tukaran ringgit berbanding dolar Amerika Syarikat (AS) menjadi topik hangat dibincangkan pelbagai lapisan masyarakat ketika ini. Ada antara mereka tidak benar-benar faham apakah itu kadar tukaran mata wang dan bagaimana ia mempengaruhi kesejahteraan hidup mereka.

Justeru, memahami bagaimana kadar tukaran mata wang berfungsi dan apakah faktor menentukan nilai kadar pertukaran sangat penting bagi meringankan tekanan perasaan masyarakat.

Orang ramai perlu sedar kadar tukaran wang asing dipengaruhi pelbagai faktor termasuk kadar peredaran, sentimen inflasi, imbalan perdagangan, sentimen pelabur dan kekuatan pasaran.

Hubungan antara kadar tukaran mata wang dan pertumbuhan ekonomi serta berkait rapat dengan pelbagai faktor makroekonomi lain dan impak mereka secara kolektif harus dipertimbangkan ketika menilai kesan keseluruhan terhadap prospek pertumbuhan keseluruhan negara.

Di Malaysia peranan mengurus kadar pertukaran banyak dimainkan Bank Negara Malaysia (BNM) yang menjadi tunjang utama pelaksana dasar monetari negara dengan diawasi Kementerian Kewangan serta Kementerian Ekonomi.

Penurunan kadar pertukaran Malaysia mula dirasakan sejak awal 2020 dan kesan kejatuhan ini semakin ketara sekarang apabila nilai ringgit jatuh kepada RM4.60 untuk setiap dolar Amerika Syarikat (AS). Umum mengetahui keadaan ini berlaku banyak disebabkan penularan COVID19, di samping faktor peperangan antara Ukraine-Russia.

Masalah ini semakin meruncing apabila ekonomi di AS menunjukkan ketidakstabilan. Apabila negara mula meminjam wang bagi melawan COVID19, kerajaan berbelanja dengan sangat besar. Pinjaman besar ini

memberi kesan kepada kejatuhan kadar tukaran ringgit.

Perbelanjaan kerajaan besar ini turut menyebabkan peningkatan kadar inflasi dan penawar bagi melawan inflasi adalah kadar bunga. BNM sudah beberapa kali menaikkan kadar bunga atau Kadar Dasar Semalaman (OPR) bagi melawan inflasi, namun kesan kenaikan inflasi masih kuat.

Justeru, kenaikan inflasi menjadi sebab utama kepada kelemahan kadar pertukaran mata wang, khasnya ringgit. Kestabilan politik negara dilihat turut menjadi penyebab kepada penurunan keyakinan pelabur yang secara langsung mempengaruhi kejatuhan kadar pertukaran.

Langkah jangka pendek

Namun, terdapat langkah jangka pendek diambil kerajaan bagi mengurangkan impak kejatuhan kadar pertukaran ringgit, antaranya membawa lebih banyak pelaburan asing langsung (FDI) ke Malaysia dan usaha ini dilihat berjaya memikat ramai pelabur dari China dan Asia Barat.

Di samping itu, usaha Kerajaan Perpaduan menstabilkan keadaan politik turut memberi kesan positif dan ini pasti dapat dirasai pada tahun mendatang. Tabir urus kewangan negara yang lebih telus, cekap, berdisiplin dan bebas rasuah pasti memberi impak positif kepada ekonomi negara pada masa hadapan.

Perbelanjaan kerajaan secara berhemah dengan mengawal pembaziran serta mengawal jumlah hutang pasti membuahkan hasil positif. Keyakinan pelabur mula meningkat dan ini akan membawa kepada pengaliran modal ke Malaysia.

Data suku pertama 2023 Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNGK) menunjukkan peningkatan baik, malah melebihi jangkaan asal. Ini adalah petanda positif ke arah mengurus kadar pertukaran bagi menjamin pertumbuhan ekonomi sihat untuk manfaat masyarakat madani.

Apa yang penting, pemulihan sentimen pasaran pada peringkat global dan keyakinan pelabur terhadap Malaysia selari dengan kestabilan politik sejak tertubuhnya Kerajaan Perpaduan antara faktor utama pengukuhan nilai ringgit.

